

15 JUL 1996

Anwar-Pas

PAKATAN PAS-S46 MEMANG TAK BOLEH KEKAL, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Umno sudah menjangkakan pergelutan Pas dengan Parti Melayu Semangat 46 (S46) kerana pakatan antara mereka dari awal lagi memang tidak boleh kekal, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Beliau berkata keputusan S46 untuk bersama-sama dengan Pas dahulu merupakan satu kesilapan dan sebagai penyelesaian, anggota S46 kini perlu segera kembali kepada Umno.

"Mereka berpisah lama dah, cerai sahaja belum," katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas untuk lawatan rasmi ke Republik Kyrgyz dan Kazakhstan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Setelah bersengketa secara terbuka sejak beberapa bulan lepas, Pas semalam secara rasmi memutuskan sebarang hubungan dan kerjasama politik di semua peringkat dengan S46, sekutunya dalam Angkatan Perpaduan Ummah yang memerintah Kelantan sejak pilihan raya umum 1990.

Ekoran perkembangan itu, Anwar yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata Umno mempunyai potensi yang lebih baik sekarang jika berlaku pilihan raya di Kelantan.

Katanya, Umno perlu mengukuhkan jenteranya sendiri di Kelantan yang dijangka diperkuatkan dengan kemasukan anggota S46 apabila parti itu dibubarkan.

Ketika diminta mengulas kenyataan Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah bahawa perpecahan Pas-S46 akan mempercepatkan penyertaan S46 kepada Umno, Anwar berkata: "Kita dah beritahu supaya masuk cepat, tak payah tunggu cerai (dengan Pas)".

Menurutnya, sukar bagi kedua-dua parti itu untuk berbaik semula.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat yang juga Setiausaha Agung Umno berkata perbuatan Pas itu menampakkan unsur kezaliman dan seolah-olah parti itu sudah gila kuasa.

"Sewaktu nak berkuasa dulu, dia ajak semua orang berbaik-baik dan apabila sudah berkuasa, dia tendang semua orang sesuka hatinya...ini satu hal yang agak zalim," kata Mohamed.

Menurutnya, kalau dulu Pas menyatakan ia hendak menganjurkan perpaduan ummah, perbuatannya terhadap S46 itu menunjukkan Pas tidak mahu menyatupadukan rakyat Kelantan malahan telah memecah-belahkan mereka.

Menurutnya, wajar bagi anggota S46 kembali ke pangkuan Umno jika mereka mahukan perpaduan Melayu.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Naib Pengerusi Umno berkata, perkara itu memang sudah diramal berlaku sejak pilihan raya 1990 lagi.

"Gabungan dalam Apu ini adalah gabungan yang rapuh dan diibaratkan sebagai satu "marriage of convenience" atau kahwin muta'ah, sampai masanya mereka akan bercerai-berai," katanya.

Muhyiddin berkata PAS dan S46 tidak merupakan sahabat politik yang sebenar walaupun mereka tidur sebantal tapi mempunyai mimpi yang berlainan.

"Demi menjaga maruah parti S46 yang telah meninggalkan PAS lebih baik mereka (S46) berbaik semula dengan Umno secepat mungkin", katanya. --

BERNAMA

RAM OBA